

KENYATAAN MEDIA

19 SEPTEMBER 2019

**Suruhanjaya Tenaga**

*(Energy Commission)*

No. 12, Jalan Tun Hussein,

Precinct 2,

62100 Putrajaya,

Malaysia.

T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637

Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

## **Suruhanjaya Tenaga Anjur Seminar Keselamatan Elektrik dan Gas, dan Kecekapan Tenaga**

**Ranau, 19 September** – Suruhanjaya Tenaga (ST) hari ini menganjurkan Seminar Keselamatan Elektrik dan Gas, dan Kecekapan Tenaga di sini, sebagai usaha meningkatkan kesedaran orang ramai berkaitan isu berkenaan.

Seminar ini dihadiri oleh lebih kurang 70 orang peserta yang terdiri daripada wakil-wakil badan kerajaan tempatan, ahli-ahli Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) serta ketua-ketua kampung di sekitar daerah Ranau.

Pengarah Kawasan ST Pantai Barat Negeri Sabah, Jeffrey Nuri berkata, ST sentiasa berusaha untuk memberi pendedahan dan meningkatkan kesedaran orang awam mengenai keselamatan elektrik dan gas, dan juga kecekapan tenaga dari semasa ke semasa.

“Peserta seminar ini dipilih dari kalangan pemimpin-pemimpin peringkat kawasan supaya maklumat yang diperolehi hari ini boleh dikongsikan kepada komuniti masing-masing selepas ini,” katanya.

Penganjuran seminar ini juga diharapkan dapat memberi pendedahan kepada orang ramai mengenai keselamatan elektrik dan seterusnya mengurangkan kes-kes kemalangan yang berpunca dari elektrik.

**\*\*\*Tamat\*\*\***

*Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:*

*Harith Safruddin/Zairulliati Mali*

*Unit Promosi dan Hubungan Luar*

*Tel: 03 8870 8598/03 8870 8661/018-3822545(Harith)/013 2183778 (Zairulliati)*

*Emel: [harith@st.gov.my](mailto:harith@st.gov.my)/ [zairulliati@st.gov.my](mailto:zairulliati@st.gov.my)*

---

### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal seia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.